

NASIONAL

JAS buka 7 kertas siasatan terhadap 10 premis

26 Jun 2024, 2:28pm

50 Shares

Share Tweet Share Email




Foto: JAS Pulau Pinang

Form for 'Berita no.1 Pilihan Malaysia' with fields for 'Nama' and 'Alamat Emel', and a 'Daftar Sekarang' button.

POPULAR

GEORGE TOWN: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang membuka tujuh kertas siasatan terhadap 10 premis atas kesalahan berkaitan pengurusan buangan terjadual menerusi Op Gempur Zon Utara yang dijalankan pada Isnin dan Selasa lepas.

Pengarah JAS negeri, Norazizi Adinan berkata, 48 premis diperiksa menerusi operasi terbabit meliputi kawasan Sungai Pinang, Jelutong dan Georgetown dalam Daerah Timur Laut manakala Daerah Barat Daya melibatkan kawasan Bayan Lepas, Batu Maung dan Sungai Tiram.



Beliau berkata operasi dengan kerjasama JAS Perak, Kedah dan Perlis itu turut dibantu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melibatkan 13 pasukan terdiri daripada 40 anggota, bertujuan memastikan pematuhan yang baik berkaitan perundangan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

20 jam yang lepas

2 Dua suspek mati ditembak polis

26 Jun 2024, 10:00am

3 [VIDEO] CEO syarikat konsesi lebuhraya antara 8 direman, disyaki rasuah lebih RM1.6 bilion

25 Jun 2024, 8:12pm

4 [VIDEO] Sultan Selangor murka dengan keputusan MFL

20 jam yang lepas

5 Mohon maaf buat masa ini Siti tidak dapat memberikan kenyataan

25 Jun 2024, 4:44pm

webflow advertisement: Stop drawing pictures of websites. Start building them.

"Kesemua 10 premis itu telah diambil 17 tindakan penguatkuasaan kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

"Ia merangkumi 10 Notis Arahan dan tujuh kertas siasatan dibuka melibatkan kesalahan berkaitan pengurusan buangan terjadual," katanya dalam kenyataan hari ini.



Norazizi berkata pemeriksaan dibuat terhadap industri dan punca pencemar yang berpotensi mempunyai risiko menyebabkan pencemaran alam sekitar, kerap mendapat aduan dan premis yang belum pernah diperiksa melibatkan pengilangan berasaskan plastik, kimia, logam, industri berasaskan getah, kertas, makanan, tekstil, percetakan, bengkel serta elektrik dan elektronik.

Operasi melibatkan kerjasama bersepadu semua pihak itu, katanya akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam memastikan kualiti alam sekitar sentiasa

terpelihara.- BERNAMA



MAHKAMAH

Remaja bakar kucing dikenakan bon kelakuan baik selama setahun

5 minit yang lepas



SUKAN

NSFC masih percaya kewibawaan ketua jurulatih

24 minit yang lepas



SUKAN

Copa America: Messi sedia direhatkan

sejam yang lepas



NASIONAL

Ancaman keganasan semasa di Malaysia terkawal - KDN

sejam yang lepas



NASIONAL

11 tunan tiruan kuboid di perairan Kampung Juara, Pulau Seri Buat

2 jam yang lepas



NASIONAL

KDN bangunkan pelan induk kawalan keselamatan sempadan

sejam yang lepas

